



Solutions.
People.
Energy.SM



HRD CORP DAN SPE JALIN KERJASAMA STRATEGIK PERKASA PEKERJA SEKTOR TENAGA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 26 Ogos 2025 – Human Resource Development Corporation (HRD Corp) dan Society of Petroleum Engineers (SPE) Asia Pacific telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi menyokong pembangunan pekerja sektor tenaga yang bersedia menghadapi masa depan sekali gus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab serantau untuk kepakaran teknikal dan inovasi.

Kerjasama bersejarah antara HRD Corp dan SPE Asia Pacific ini dirangka untuk memberi impak nyata kepada pekerja sektor tenaga negara, dengan merapatkan jurang antara bakat tempatan, kepakaran bertaraf dunia serta kemahiran masa depan. Kerjasama ini bukan sekadar untuk latihan semata-mata, malah membuka akses kepada rangkaian global, ilmu pengetahuan terkini serta peluang kerjaya yang berimpak tinggi yang akan memperkasakan profesional Malaysia untuk cemerlang dalam peralihan tenaga.

Di bawah kerjasama ini, HRD Corp dan SPE akan:

- **Melatih, meningkatkan dan menambah kemahiran sekurang-kurangnya 500 jurutera dalam tempoh setahun**, melalui program teknikal SPE Asia Pacific yang diiktiraf di peringkat global, bagi memastikan jurutera Malaysia dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan amalan industri terkini.
- **Membolehkan majikan berdaftar HRD Corp** menyalurkan caruman levi terus kepada penyertaan dalam program SPE yang diiktiraf antarabangsa termasuk persidangan, bengkel dan acara, sekali gus menjadikan pembelajaran bertaraf dunia lebih mudah diakses oleh lebih banyak syarikat dan profesional.
- **Memperluas peluang bagi profesional Malaysia** untuk berhubung dengan pakar antarabangsa, mendapat pendedahan kepada teknologi inovatif serta menyertai dialog industri berprofil tinggi yang akan memperkukuh daya saing mereka di peringkat global.

Inisiatif ini secara langsung menyokong Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), di samping memacu agenda nasional yang lebih luas dalam membina tenaga kerja berkemahiran tinggi dan bersedia menghadapi masa depan. Ia juga mengukuhkan peranan Malaysia dalam peralihan tenaga global, memastikan bakat tempatan benar-benar bersedia untuk berjaya dalam industri yang pesat berkembang.

Berucap di majlis tersebut, **Terry Palisch**, Presiden SPE 2024, berkata kerjasama ini adalah mengenai memperkasa insan.

“Dengan berganding bahu, HRD Corp dan SPE membuka laluan baharu untuk profesional Malaysia berhubung dengan kepakaran global, mempercepatkan perkembangan mereka seterusnya menyumbang secara bermakna kepada masa depan tenaga,” katanya.

Sementara itu, **Dr. Syed Alwi bin Mohamed Sultan**, Ketua Eksekutif HRD Corp, menekankan bahawa MoU tersebut selari dengan misi HRD Corp untuk meningkatkan dan menambah kemahiran rakyat Malaysia, bagi memastikan tenaga kerja kekal berdaya saing, tangkas dan bersedia untuk masa depan.

“Majikan berdaftar HRD Corp kini boleh menyalurkan caruman levi mereka kepada latihan teknikal dan program yang diiktiraf antarabangsa, sekali gus memperluas peluang bagi profesional Malaysia untuk belajar, berkembang dan memimpin,” ujarnya.

MoU ini dimeterai sempena Persidangan dan Pameran Pengumpulan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon Asia Pasifik (APCC 2025) yang julung kali diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dengan dihadiri oleh kira-kira 700 peserta dari 25 negara. MoU ini telah ditandatangani oleh **Dr. Syed Alwi bin Mohamed Sultan** dan **Michelle Tan, Pengarah SPE Asia Pacific (M) Sdn Bhd**.

Majlis tersebut turut disaksikan oleh **Terry Palisch** dan **Hazli Sham bin Kassim**, Pengarah Serantau SPE Asia Pacific, Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS Carigali merangkap Naib Presiden Kanan, Aset Malaysia, PETRONAS, serta **Datuk Azman bin Mohd Yusof**, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia Malaysia dan **Datuk Abu Huraira Abu Yazid**, Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp.

Kedua-dua organisasi ini memperteguh komitmen mereka untuk memajukan ilmu pengetahuan, memupuk pembelajaran berterusan serta meletakkan Malaysia sebagai **pusat serantau untuk bakat tenaga dan inovasi**.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hrdcorp.gov.my dan www.spe.org.

-Tamat-

Mengenai HRD Corp

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) merupakan agensi peneraju kerajaan Malaysia bagi pembangunan modal insan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

Diurus selia oleh Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta PSMB 2001), HRD Corp bertanggungjawab terhadap kutipan serta pentadbiran levi pembangunan sumber manusia melalui Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM). Tanggungjawab ini merangkumi usaha menggalakkan latihan, latihan semula serta peningkatan kemahiran pekerja, perantis dan pelatih, untuk menyelaraskan keupayaan mereka dengan keperluan majikan serta aspirasi negara untuk membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Usaha ini memastikan tenaga kerja Malaysia kekal berdaya saing di samping mampu menyesuaikan diri dengan tuntutan ekonomi semasa dan masa depan.

HRD Corp juga memainkan peranan penting dalam memperkukuh pasaran latihan di Malaysia, memacu inovasi, kualiti dan akses inklusif kepada pembangunan kemahiran di seluruh negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hrdcorp.gov.my

Mengenai SPE Asia Pacific

Society of Petroleum Engineers (SPE) merupakan sebuah persatuan profesional bukan berasaskan keuntungan dengan keahlian seramai 132,000 orang dari 146 negara yang terlibat dalam penerokaan dan pengeluaran minyak, gas serta sumber tenaga berkaitan.

SPE menyediakan penyelesaian dan memperkasakan individu untuk memacu kemajuan industri tenaga. Ahli SPE mendapat akses kepada program utama, kandungan serta acara yang direka bagi mempercepatkan pertumbuhan profesional dan pembangunan kerjaya, di samping menggalakkan rangkaian serta semangat komuniti yang kukuh. SPE mengekalkan pejabat di Calgary, Dallas, Dubai, Houston dan Kuala Lumpur.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.spe.org